KALENDAR PERISTIWA
Julai - September 2011

7 Julai 2011

Pada mesyuarat yang keempat bagi tahun 2011, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00%. Penilaian MPC ialah risiko kepada inflasi masih berterusan. Menurut MPC lagi, meskipun prospek pertumbuhan terus positif, wujud ketidakpastian yang lebih ketara berikutan perkembangan pada peringkat global yang telah menyebabkan terdapatnya risiko pertumbuhan yang lebih perlahan. Melangkah ke hadapan, MPC akan membuat penilaian yang teliti terhadap perkembangan keadaan ekonomi dan jika didapati momentum pertumbuhan berterusan, langkah untuk terus mengembalikan keadaan monetari ke tahap yang lebih wajar akan dipertimbangkan bagi memelihara kestabilan harga. Bank Negara Malaysia juga mengumumkan kenaikan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) daripada 3.00% kepada 4.00% berkuat kuasa 16 Julai 2011, sebagai langkah awalan untuk menguruskan peningkatan mudah tunai yang ketara, yang mungkin menyebabkan keadaan kewangan yang tidak seimbang dan mewujudkan risiko ketidakstabilan kewangan. Pada mesyuarat MPC yang berikutnya pada 8 September, MPC mengekalkan OPR pada paras yang sama, dan menyatakan bahawa MPC akan terus membuat penilaian yang teliti terhadap perkembangan dalam persekitaran inflasi dan ekonomi, dan menyelaraskan keadaan monetari dengan sewajarnya bagi memastikan kemampanan pertumbuhan dan kestabilan harga.

18 - 19 Julai 2011

Bank Negara Malaysia dan Bank Indonesia telah menjadi tuan rumah bersama bagi Persidangan Bersama Peringkat Tinggi Mengenai Kewangan Islam di Jakarta, Indonesia. Persidangan yang bertemakan “Mengeratkan Hubungan Kewangan ke arah Kemakmuran Ekonomi” ini telah dihadiri oleh lebih 400 peserta yang terdiri daripada pengamal profesional kewangan Islam daripada institusi perbankan, syarikat pengurusan dana dan kekayaan, penyedia perkhidmatan profesional serta institusi pengajian tinggi dari kedua-dua negara. Dalam ucapan alu-aluannya, Gabenor Dr. Zeti telah menyatakan aspirasi beliau supaya pengantara kewangan di rantau Nusantara, khususnya Malaysia dan Indonesia merebut peluang pengantarabangsaan kewangan Islam bagi mempertingkatkan hubungan ekonomi dan kewangan antara kedua-dua negara jiran itu. Persidangan itu juga menyaksikan dua Memorandum Persefahaman ditandatangani, iaitu antara Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dengan Asosiasi Bank Syariah Indonesia (ASBISINDO) bagi kerjasama dalam pengurusan mudah tunai, dan antara Maybank Islamic Berhad dengan Bank Syariah Mandiri berhubung dengan pembangunan produk, pembiayaan perdagangan dan pengurusan mudah tunai.

20 Julai 2011

Bank Negara Malaysia menjadi tuan rumah kepada persidangan Meja Bulat Forum Rasmi Institusi Monetari dan Kewangan (Official Monetary and Financial Institutions Forum, OMFIF) yang memberikan peluang kepada peserta industri untuk mendapat maklumat mengenai perkembangan ekonomi dan cabaran di Eropah termasuk isu berkaitan dengan krisis hutang kerajaan Eropah serta perspektif Asia mengenai isu tersebut. Persidangan Meja Bulat tersebut dipengerusikan bersama oleh Gabenor Dr. Zeti dan Gabenor Yves Mersch, Bank Pusat Luxembourg dan temanya tertumpu pada "Cabaran dan Perspektif Antarabangsa Ketika Asia Mengalihkan Simpanan kepada Pembangunan Ekonomi Dalam Negeri". Persidangan Meja Bulat itu disertai oleh ketua-ketua industri, iaitu, Tan Sri Zarinah Anwar, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Tan Sri Azman Mokhtar, Pengarah Urusan Khazanah Nasional; Encik Steven Choy, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Berhad dan Ketua Pegawai Eksekutif institusi-institusi kewangan di Malaysia.

25 Julai 2011

Bank Negara Malaysia mengeluarkan duit syiling peringatan sempena pengeluaran Siri Ketiga duit syiling Malaysia yang baharu. Siri duit syiling baharu yang dikeluarkan dalam denominasi 5 sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen ini mendapat inspirasi daripada ciri-ciri unik yang mencorakkan budaya dan warisan negara. Motif reka bentuk duit syiling ini memaparkan keindahan alam semula jadi, flora dan fauna serta seni kraf tangan tradisional yang terdapat di Malaysia. Duit syiling ini lebih kecil dan ringan untuk memudahkan orang ramai menggunakannya. Duit syiling berwarna kuning dan perak ini juga mempunyai sisi tepi yang berbeza-beza bagi memudahkan orang ramai dan mereka yang kurang upaya penglihatan untuk mengenali dan membezakan denominasi yang berlainan. Siri duit syiling yang baharu ini dibuat menggunakan kemajuan terkini dalam teknologi pembuatan duit syiling dengan memasukkan ciri-ciri keselamatan yang lebih baik untuk mengelak daripada pemalsuan, serta dari jenis yang lebih berkualiti dan tahan lama.

1 Ogos 2011

Bank Negara Malaysia mengumumkan langkah-langkah baharu mengenai insurans motor yang bertujuan untuk memastikan pengguna diberikan nasihat sewajarnya apabila membeli perlindungan insurans motor komprehensif untuk kereta persendirian. Berkuat kuasa serta-merta, penanggung insurans (serta pengendali takaful) dan ejen mereka dikehendaki menasihati pengguna tentang perkara berikut sebelum mereka membeli dan memperbaharui polisi insurans motor mengenai: (i) nilai pasaran semasa kereta, (ii) pentingnya menginsuranskan kenderaan pada nilai pasaran yang bersesuaian dan (iii) kesan daripada insurans berlebihan atau insurans terkurang apabila tuntutan dibuat. Langkah-langkah ini akan menyumbang ke arah penentuan nilai pasaran kenderaan motor yang lebih objektif bagi tujuan pembelian insurans motor dan penyelesaian tuntutan. Langkah-langkah ini juga melengkapi langkah-langkah insurans motor sedia ada yang menggalakkan layanan adil terhadap pengguna.

17 Ogos 2011

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.0% pada suku kedua 2011, didorong oleh pengembangan dalam permintaan swasta dalam negeri. Dari segi penawaran, sebahagian besar sektor ekonomi mencatat pertumbuhan positif, kecuali sektor perlombongan. Pertumbuhan ini diterajui oleh pertumbuhan kukuh terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pertanian. Kadar inflasi keseluruhan meningkat kepada 3.3% pada suku kedua, didorong oleh faktor penawaran. Dalam satu pengumuman yang berasingan, Bank Negara Malaysia memberikan lebih kelonggaran kepada bank-bank asing diperbadankan di Malaysia yang baru mendapat lesen dan yang sedia ada daripada mematuhi keperluan nisbah taburan (distribution ratio requirement) bagi penubuhan cawangan. Kelonggaran ini akan memudahkan bank-bank tersebut memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada segmen pelanggan sasaran dan bidang pengkhususan (niche areas) mereka. Di bawah garis panduan yang sedia ada, bank asing diperbadankan di Malaysia boleh membuka sehingga lapan cawangan tambahan, tertakluk kepada nisbah taburan yang telah ditentukan iaitu 1 (pusat bandar): 2 (separa bandar): 1 (luar bandar).

25 Ogos 2011

Gabenor Dr. Zeti telah diisytiharkan sebagai “Ketua Bank Pusat Tebaik Dunia (The World’s Best Central Bankers)” sepanjang tahun lalu oleh Majalah *Global Finance* yang berpangkalan di New York, bersama-sama dengan lima ketua bank pusat negara lain. Gabenor dan lima ketua bank pusat lain memperoleh gred “A” dalam rencana tahunan yang diterbitkan oleh majalah tersebut yang bertajuk *Central Banker Report Cards 2011* bagi kejayaan dalam bidang seperti kawalan inflasi, sasaran pertumbuhan ekonomi, kestabilan mata wang dan pengurusan kadar faedah.

6 September 2011

Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) telah dianugerahkan “Pusat Kewangan Islam Terbaik” bagi tahun ketiga berturut-turut pada *Annual Asset Triple A Islamic Finance Award 2011*. Selepas tempoh pembangunan yang mengambil masa beberapa dekad, Malaysia telah berkembang menjadi hab kewangan Islam yang paling dinamik di rantau Asia Pasifik. Penunjuk kejayaannya ialah negara dan kawasan merentas Lingkaran Pasifik, di Eropah dan Timur Tengah kini mengambil contoh dan inisiatif Malaysia sebagai inspirasi untuk melonjakkan kewangan Islam masing-masing.

14 September 2011

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak, telah merasmikan pembukaan Sasana Kijang iaitu pusat kecemerlangan ilmu dan pembelajaran dalam perbankan pusat dan kewangan Bank Negara Malaysia. Sasana Kijang juga menempatkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) dan Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN). Direka khusus untuk menjadi pusat bagi kepimpinan berwawasan dan kerjasama dalam perbankan pusat, Sasana Kijang merupakan sebuah pusat pembelajaran yang dilengkapi dengan kemudahan yang serba canggih dan moden bagi menyokong program yang berstruktur dan seminar peringkat tinggi untuk peserta tempatan dan asing selain menyediakan peluang untuk mereka bertukar-tukar fikiran dan pengalaman dalam usaha membina keupayaan perbankan pusat agar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran yang bakal mendatang. Selain itu, Sasana Kijang juga menempatkan Pusat Pengurusan Pengetahuan dan Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia.

28 - 29 September 2011

Bank Negara Malaysia telah menganjurkan seminar mengenai Kewangan Islam di Istanbul, Turki, bagi menyokong inisiatif MIFC. Bertemakan “Malaysia dan Turki: Laluan Sutera Baharu dalam Kewangan Islam - Strategi bagi Kerjasama dan Perkongsian Pintar”, seminar ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara dan menandakan peningkatan pengantarabangsaan kewangan Islam atau kewangan Serta Sama (Participative finance). Tujuan ini dimanifestasikan melalui pertambahan bilangan institusi kewangan Islam yang beroperasi dalam kawasan baharu, peningkatan penyertaan antarabangsa dalam pasaran kewangan Islam dan aliran aktiviti kewangan Islam merentas sempadan yang meningkat. Seminar tersebut juga menyediakan wadah bagi masyarakat kewangan dan perniagaan Malaysia dan Turki untuk berkongsi dan bertukar-tukar pengetahuan dan pandangan industri mengenai pembangunan pasaran kewangan Islam.